

**Parlimen: Semua Negeri Dipantau Patuhi Catuan Tebangan Hutan  
Bernama  
3 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa memantau semua negeri agar mematuhi Catuan Tebangan Tahunan (CTT) bagi kawasan hutan pengeluaran dalam Hutan Simpanan Kekal, sebagaimana ditetapkan Majlis Tanah Negara (MTN).

Timbalan Menteri berkenaan Tan Sri Joseph Kurup berkata, CTT bagi semua negeri di seluruh negara disediakan bagi setiap Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.

"Pematuhan CTT oleh semua negeri turut dipantau oleh setiap Jabatan Perhutanan di negeri masing-masing melalui laporan pengeluaran lesen membalak dan keluasan hutan yang dilesenkan," katanya ketika menjawab soalan Datuk Rashid Din (PKR-Merbok) di Dewan Rakyat di sini pada Rabu.

Kurup berkata di bawah Perkara 74(2) Perlembagaan Malaysia, perhutanan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri maka pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa melulus sesuatu lesen pengusahaan (atau pembalakan) di negeri masing-masing.

"Namun begitu adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memastikan sumber hutan diuruskan secara mampan melalui pelaksanaan amalan pengurusan hutan secara berkekalan, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699306>